

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 22 DISEMBER 2016 (AHAD)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	CCM terajui produk halal farmaseutikal	Utusan Malaysia
2.	CCM targets RM4.4b sales by 2022	Malay Mail
3.	TPM, NWUN terokai sains halal	Utusan Malaysia
4.	China's NWUN delegation visits TPM Biotech to explore halal science cooperation and business opportunities	BERNAMA
5.	Kerajaan negeri digesa patuh Skim Pensijilan Kayu Balak Malaysia	BERNAMA
6.	Gempa bumi kuat landa Laut Banda, Indonesia	BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (UTUSANBIZ) : MUKA SURAT 16**  
**TARIKH : 22 DISEMBER 2016 (KHAMIS)**

## CCM terajui produk halal farmaseutikal

**KUALA LUMPUR 21 Dis.** - Chemical Company of Malaysia Berhad (CCM) terus menerajui pembangunan produk farmaseutikal halal dunia dengan menekankan segala aspek bahan asas hingga galah pengilangan.

Pengarah Urusan Kumpulannya, Leonard Ariff Abdul Shatar berkata, CCM berada pada lansasan betul dalam menyasarkan saiz perniagaan kepada RM4.5 billion pada tahun 2022.

“Saiz perniagaan sekarang berada pada RM330 juta dan nilai itu masih jauh untuk dicapai namun ia bukanlah mustahil apabila CCM akan terus memacu perkembangan dua digit setiap tahun.

“Pasaran seperti negara-negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Jepun dan Korea Selatan mempunyai minat kepada produk halal. Ini membolehkan ia dikembangkan ke pelbagai negara pada masa akan datang,” katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Turut hadir Pengurus CCM, Datuk Normala Abdul Samad.

Sehingga kini, CCM mempunyai 200 produk farmaseutikal yang mendapat pensijilan halal dan mematuhi standard halal farmaseutikal MS2424 yang dikeluarkan oleh Standard Malaysia.



**LEONARD ARIFF ABDUL SHATAR (kiri) bersama Normala Abdul Samad memberi taklimat dalam sidang akhbar program *Halal Symposium - Malaysia Global Leadership in Halal Pharmaceuticals* di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AIZZUL A.MAJID**

Leonard berkata, Malaysia mempunyai pelbagai badan yang membantu untuk mengekalkan standard halal terbaik di dunia apatah lagi ia dijalankan oleh badan bebas iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Menurutnya, banyak negara Islam lain tidak mempunyai standard seperti ini dan langkah tersebut dipandang baik oleh negara lain dalam memastikan mereka mempunyai produk yang boleh digunakan untuk semua.

Tambahnya, banyak cabaran yang dihadapi bagi mereka yang ingin menjalankan standard ini sama seperti yang dilalui CCM dahulu, namun ia merupakan satu usaha yang berguna untuk jangka masa panjang.

“Halal bukan sahaja untuk orang Islam malah bagi sesiapa sahaja, misalnya standard MS2424 sama seperti standard Amalan Pengilangan Yang Baik (GMP), cuma menekankan beberapa aspek tambahan,” jelasnya.

**KERATAN AKHBAR  
MALAY MAIL (120 YEARS) : MUKA SURAT 36  
TARIKH : 22 DISEMBER 2016 (KHAMIS)**

# CCM targets RM4.4b sales by 2022



**Leonard and CCM chairman Normala Abdul Samad speaking to reporters yesterday. — Picture by Firdaus Latif**

**By Sharina Ahmad**  
*sharinaahmad@mmail.com.my*

**KUALA LUMPUR** — Chemical Company of Malaysia Bhd (CCM) targets sales of US\$1 billion (RM4.4 billion) sales by 2022, from current sales of RM330 million.

Group managing director Leonard Ariff Abdul Satar said the group is looking forward to double digit growth in sales year-on-year.

"The weakening of the ringgit to the US dollar has impacted the pharmaceutical industry since 80% of its goods are imported from US," he said on the sidelines of Jabatan Kemajuan Islam Malaysia's (Jakim) first halal pharma symposium here yesterday.

"The industry is literally on demand but for the first (quarter) of next year, the pharmaceutical industry will continue to face the slowdown due to the dwindling ringgit," he said.

However, he is optimistic the sector

will continue to grow, despite the challenging outlook.

CCM organised a halal pharmaceuticals symposium in collaboration with Jakim, Halal Industry Development Corporation, the Department of Standards Malaysia, the Ministry of Science, Technology and Innovation, the Ministry of Defence, and the Malaysian Pharmaceutical Society.

Leonard said the sales target in halal pharmaceuticals is achievable since it will be the new frontier in CCM's aspiration of turning Malaysia into a global halal hub.

"CCM's aim is to become an established pharmaceutical company in the Asean region. We have an ongoing exercise to upgrade and expand operations with the key focus on biotherapeutic and specialty care medication for cardiovascular, diabetes, renal and oncology treatment.

"We target to provide greater access to affordable quality medicines to more Malaysians for treatment, such as for diabetes," said Leonard.

CCM's pharmaceuticals business is

now represented by CCM Duopharma Biotech Bhd, which is listed on the Main Board of Bursa Malaysia.

All of the products are manufactured in Good Manufacturing Practice and halal-compliant facilities in Bangi, Klang and Glenmarie.

The common range of products are for cough and cold products, and to be more specialized cardiovascular, oncology and diabetes products.

CCM's pharmaceuticals business also spans beyond Malaysia, with sales offices in Philippines, Singapore and Indonesia. It also exports to more than 30 countries.

The group has also identified halal pharmaceuticals as an industry that could be tapped into by bumiputera entrepreneurs.

Since there is no apparent leader in the global halal pharmaceutical industry, the company hopes that this US\$132 billion (by 2021) potential market will open doors of opportunities for bumiputeras, while at the same time expanding CCM's own market reach.

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (UTUSANBIZ) : MUKA SURAT 16**  
**TARIKH : 22 DISEMBER 2016 (KHAMIS)**

## TPM, NWUN terokai sains halal

**KUALA LUMPUR 21 Dis.** – TPM Biotech Sdn. Bhd. (TPM Biotech) dan Northwest University of Nationalities dari China (NWUN) kini menerokai kerjasama untuk membuka peluang baharu kepada penerokaan dalam bidang bioteknologi dan kerjasama sains halal, sebagai memenuhi permintaan produk halal di peringkat global.

Menurut TPM, syarikat itu hari ini menerima kunjungan daripada NWUN yang disertai oleh enam wakil universiti tersebut yang diketuai oleh Naib Presidennya, Wang Zhaxi.

Jelas syarikat itu, ia adalah sebahagian dari agenda lawatan kerja mereka ke Malaysia bertujuan untuk meneroka peluang kerjasama di bidang sains halal dan peluang teknologi berdasarkan bio antara kedua-dua negara.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TPM, Datuk Ir. Mohd. Azman Shahidin berkata, lawatan NWUN itu membawa maksud besar dengan pendedahan TPM Biotech di peringkat antarabangsa khususnya di China.

“Menjadi satu-satunya makmal halal sains oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), kami yakin permintaan yang meningkat kepada produk halal di peringkat global akan memberikan peluang kepada TPM Biotech untuk menawarkan perkhidmatan dan kapakarannya.

“Lawatan NWUN ini amat kena dengan masanya pada ketika hubungan dagang antara Malaysia dan China telah menunjukkan

hasil yang amat cerah dan potensi untuk berkembang. Kami yakin bahawa lawatan ini akan membuka peluang yang besar juga kepada kedua belah pihak,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Lawatan itu diselaraskan oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang merupakan rakan strategik TPM Biotech. Lawatan hampir dua jam itu diisi dengan pembentangan operasi TPM oleh Jabatan Komunikasi Korporat TPM selain dari perbincangan dan soal jawab berhubung kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh TPM Biotech.

Sementara itu, Zhaxi menyifatkan kunjungan itu amat bermakna dan memberi manfaat kepada NWUN yang sememangnya berhasrat untuk meneroka peluang mereka di TPM Biotech di samping memperkemaskan lagi peluang dan hubungan kerja antara TPM dan NWUN.

“Kami memang kagum dengan pencapaian TPM Biotech dalam pengwujudan makmal halal sains yang bertaraf antarabangsa dan menepati tuntutan halal. Kami berharap jalinan hubungan kerja dengan TPM ini turut membuka peluang yang baharu dengan rakan perniagaan yang lain,” katanya.

Sejak 2007, TPM Biotech telah membantu lebih dari 1,800 usahawan bio dengan menyediakan kemudahan peralatan dan perkhidmatan, analisis makmal, standard antarabangsa dan kawalan kualiti selain daripada perkhidmatan runding cara halal.



**WANG ZHAXI (dua dari kanan) melihat sampel tisu ketika melawat TPM Biotech Sdn. Bhd. di Kuala Lumpur, semalam.**

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 22 DISEMBER 2016 (KHAMIS)**



## **China's NWUN Delegation Visits TPM Biotech To Explore Halal Science Cooperation And Business Opportunities**

**KUALA LUMPUR, Dec 21 (Bernama)** -- A six-member delegation from China's Northwest University of Nationalities (NWUN) on a working five-day visit to Malaysia paid a visit today to TPM Biotech Sdn Bhd (TPM Biotech), to explore bilateral cooperation on halal science practices and biotechnology opportunities between both countries.

The delegation's visit to TPM Biotech was coordinated by Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) and led by the NWUN's Vice-President, Mr. Wang Zhaxi. Other members of the NMUN delegation were Yang Jutian, Deputy Dean of Life Science and Engineering, Na Jufeng, Associate Professor of The Institute of Islamic Culture and Yuan Mu, Deputy Director, NWUN International Cooperation and Exchange Division.

Accompanied by USIM representative, Associate Professor Dr. Alina Abdul Rahim. The delegation was welcomed by TPM Biotech Acting Head, Mr. Azlan Abu Samah.

The NWUN delegates were given a presentation by TPM Corporate Communication on the available TPM Biotech facilities and services, its Halal Science Laboratory and herbal manufacturing plant in Raub as well as on the TPM Group operations.

**TPM President and Chief Executive Officer, Dato' Ir Azman Saidin** said that the NWUN visit presented an excellent international exposure for TPM Biotech, especially in China, as well as to further explore new business opportunities and avenues in the field of biotech and halal science collaboration.

"Being the only accredited halal science laboratory by JAKIM, we are confident that the increasing global demand for halal products will offer an avenue for TPM Biotech to provide its expertise and services. The visit of NWUN delegation is timely in view of the rapid expansion of trade and investment between China and Malaysia. We strongly believe that this visit would open the window of opportunity for us," he added.

Meanwhile, Mr Wang Zhaxi said the visit to TPM Biotech was fruitful and an eye-opener for NWUN to explore the opportunity of closer cooperation and collaboration between both organizations.

"We are impressed by the world standard halal science laboratory of TPM Biotech which adheres to the stringent halal requirements. We are hopeful of establishing a common working relationship in the future not only with TPM Biotech but also with the Group's other businesses," commented Wang.

Since 2007, TPM Biotech has assisted over 1,800 biopreneurs and SMEs by providing the necessary production facilities and services; lab analyses; international standards and quality control as well as advisory halal services. The OEM products which are manufactured by TPM Biotech range from herbal-based foods, food supplements, ingredients and pastes to nutriceutical (capsules) products.

Technology Park Malaysia Sdn Bhd, an agency of MOSTI, has an integrated infrastructure, facilities and support services to assist technopreneurs and entrepreneurs who are keen to commercialize their ideas in the four industry clusters, namely, ICT, Engineering, Biotechnology and Green Technology.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 22 DISEMBER 2016 (KHAMIS)**



## **Kerajaan Negeri Digesa Patuh Skim Pensijilan Kayu Balak Malaysia**

KUANTAN, Dis (Bernama) -- Semua kerajaan negeri digesa mematuhi Skim Pensijilan Kayu Balak Malaysia (MTCC) bagi mengelakkan penarikan balik sijil itu yang akan menjelaskan nilai dan kualiti kayu balak negeri berkenaan.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata banyak negara di Eropah, Australia dan Jepun akan meminta sijil itu dikemukakan dalam proses pembelian kayu balak.

"Sistem diaplikasi MTCC diguna pakai di seluruh dunia yang menentukan antaranya berapa banyak pokok yang boleh ditebang dalam keluasan satu hektar dan apa yang perlu dilakukan untuk memastikan pokok yang ditebang diganti.

Ini bukan kita yang nilai, tapi ada konsultan bebas yang akan buat kajian sama ada negeri itu mematuhi garis panduan yang dimaklumkan menerusi Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Jumaat lalu, Wan Junaidi memaklumkan Sijil MTCC Kelantan dan Johor ditarik balik pada 23 Nov lepas setelah didapati berlaku pelanggaran syarat penebangan dan hanya akan dikembalikan semula jika penilaian mendapati mereka kembali mematuhi syarat.

Berhubung isu pembinaan Pelabuhan Antarabangsa Kuala Linggi di Melaka yang didakwa akan menghalang laluan air dan boleh menyebabkan anak-anak sungai berdekatan menjadi cetepek, beliau berkata arahan diberikan kepada pihak berkaitan untuk mencari penyelesaian terbaik.

"Kita beri arahan untuk mereka berbincang sesama sendiri. Kita tidak akan menghentikan projek ini sebab ini kerja besar yang akan mendatangkan pendapatan kepada kerajaan negeri tapi kita mahu baiki keadaan supaya tidak memberi kesan kepada alam sekitar," katanya.

Pada perkembangan lain, Wan Junaidi juga memaklumkan semua makmal jabatan di bawah kementerian itu akan disatukan agar mereka tidak perlu bergantung sepenuhnya kepada makmal **Jabatan Kimia**, dalam mengenal pasti punca pencemaran dengan lebih pantas.

"Ini akan membolehkan orang kita mengambil sampel pencemaran dan hantar ke makmal sendiri untuk analisis. Bagaimanapun untuk tujuan pendakwaan di mahkamah, kita masih lagi akan menggunakan makmal Jabatan Kimia," katanya.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 22 DISEMBER 2016 (KHAMIS)**



## **Gempa Bumi Kuat Landa Laut Banda, Indonesia**

KUALA LUMPUR, 21 Dis (Bernama) -- Gempa bumi kuat berukuran 6.6 pada skala Richter melanda Laut Banda, Indonesia pada pukul 8.17 pagi ini.

Menurut **Jabatan Meteorologi Malaysia**, pusat gempa terletak 456 kilometer dari barat daya Ambon, Indonesia, dan 1,718 kilometer dari tenggara Semporna, Sabah.

Bagaimanapun, gempa bumi itu tidak membawa ancaman tsunami kepada Malaysia.

-- BERNAMA